

SAKIT BUKAN KERANA BALA

Oleh: Nur Hasni binti Zahidi, 1171078,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 25 Ogos 2020



Setiap manusia yang bergelar hamba pasti pernah berdepan pelbagai ujian yang didatangkan oleh Allah SWT termasuk jatuh sakit.

Seperti maksud hadis daripada Anas bin Malik r.a. yang berkata, baginda Rasulullah SAW bersabda, “Apabila Allah menghendaki kebaikan kepada seseorang hamba-Nya, maka disegerakan satu seksaan iaitu penderitaan ketika di dunia, tetapi jika Allah mengkehendaki keburukan kepada seseorang hamba-Nya, maka orang itu dibiarkan sahaja dengan dosanya, sehingga kelak akan dipenuhi balasan seksaannya pada hari kiamat.”

Hadis tersebut menjelaskan bahawa Allah SWT mendatangkan ujian seperti kesakitan terhadap hamba-Nya atas sebab dosa dan kesalahan yang dilakukannya di muka bumi ini.

Ujian ini bukanlah satu bala yang menimpa ke atas seorang hamba, bahkan ia merupakan kebaikan ke atas diri kita iaitu sebagai kifarafat di dunia.

Allah SWT juga telah menjanjikan bahawa akan meringankan seksaan hamba-Nya di akhirat kelak dengan syarat dia perlu bersabar menghadapi ujian di dunia.

Sesiapa pun tidak ingin jatuh sakit tetapi jika itu yang ditakdirkan, anggaplah ia satu kebaikan yang besar untuk diri kita.

Satu berita gembira untuk orang yang sakit adalah Allah SWT akan memakbulkan segala doa yang diminta oleh hamba-Nya.

Umar bin Khatab berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Apabila kamu mengunjungi orang sakit, mintalah ia untuk mendoakanmu, kerana sesungguhnya doa mereka sama dengan doa malaikat.” (Hadis Riwayat Ibn Majah).

Hadis tersebut menjelaskan bahawa apabila kita menziarah orang sakit, kita sangat digalakkan untuk meminta pesakit itu mendoakan kesejahteraan terhadap diri kita.

Hal ini kerana kebanyakan orang sakit adalah lebih dekat dengan Allah SWT serta lebih banyak mengingati Allah berbanding mereka yang sihat.

Kita sering mendengar bahawa setiap ujian yang diberikan merupakan tanda Allah SWT lebih menyayangi kita. Ujian atau masalah yang tiba bukan bermakna Allah SWT membenci kita.

Sebaliknya, Allah SWT lebih mengingati kita dan merindui rintihan dan doa hamba-Nya. Mungkin juga kita terlalu fokus tentang hal dunia sehingga mengabaikan-Nya tanpa disedari.

Oleh itu, Allah SWT menjentik hati kita dengan ujian untuk mengingatkan kita bahawa akhirat yang sepatutnya diutamakan agar kita tidak terlalu leka dengan hal dunia.

Jangan sesekali kita bersangka buruk dengan Allah SWT, sebaliknya kembalilah kepada-Nya kerana Allah yang menjadikan masalah dan Allah jugalah yang menyelesaikannya.

Bersyukurlah kepada Allah SWT kerana mendatangkan ujian yang sekadar kita mampu dan tidak membebankan diri kita seperti ayat al-Quran yang bermaksud, “Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.” (Surah al-Baqarah, ayat 286)

